

Hanipah binti Mohd Nor

Lawan

Baharom bin Aman @ Abd Rahman

Dalam Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Melaka
(YAA Datuk Mahammad bin Ibrahim
Ketua Hakim Syarie Negeri Melaka)
[17 Jamadil Awal 1430 H bersamaan 12 Mei 2009 M]

[Kes Mal Bil. 04100-017-0008-Tahun 2003]

Undang-Undang Pentadbiran - Bidang Kuasa Mahkamah untuk
membicarakan dan memutuskan kes yang berkaitan hubungan suami isteri -
Seksyen 49.

Undang-Undang Keluarga Islam – Tuntutan Mutaah Seksyen 58 enakmen
Keluarga Islam Negeri Melaka 2002.

- Tidak ada persetujuan kadar Mutaah
- Kadar Mutaah di tentukan oleh Hakim

Undang-Undang Keterangan

- Keterangan sokongan oleh anak-anak plaintif
- Seksyen 85, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Negeri
Melaka 2002

FAKTA KES

Dalam kes ini pihak plaintif telah membuat tuntutan mutaah sebanyak

RM82,000.00. Asas pengiraan tuntutan Plaintif adalah seperti berikut:

RM200.00 x 34 tahun perkahwinan adalah berjumlah 81,600.00 atau

RM82,000.00

Plaintif dan Defendan telah mendirikan rumah tangga pada 7.4.1969 dan mereka bercerai pada 7.3.2003 di Mahkamah Rendah Syariah Jasin. Hasil perkahwinan mereka dianugerahi 12 orang anak. Kesemuanya masih hidup. Semasa berkahwin dengan Defendan, Plaintif bekerja sebagai guru Tabika Kemas Negeri Melaka. Plaintif dan Defendan adalah peserta peneroka FELDA di FELDA Bukit Senggeh. Mereka telah memasuki tanah FELDA pada 4.3.1974. Di sebabkan beberapa perkara yang tidak boleh dielakkan maka berlakulah perceraian di antara Plaintif dan Defendan. Plaintif menuntut bayaran mutaah sebanyak RM82,000.00 berdasarkan sumbangan selama 34 tahun beliau dalam pengurusan rumah tangga serta sumbangan beliau dalam usaha sama memajukan tanah FELDA tersebut sehingga membuahkan hasil.

DI PUTUSKAN

Tuntutan Plaintif dibenarkan dan Mahkamah memerintahkan Defendan hendaklah membayar mutaah sebanyak **RM6,669.00**

Pegam Syarie

Plaintif - Tetuan Rosfinah & Co

Defendan - Tetuan Mohd Adli bin Ithnin

Surah-surat Al-Quran yang dirujuk

1. Surat Al-Baqarah Ayat 236, 237,241,

Hadis yang di rujuk

1. رواه لبيهقي

Bila mana Hafz bin Muqhirah mentalakkan isterinya Fatimah, Fatimah terus mengadu kepada Rasulullah s.a.w. Rasulullah s.a.w. putuskan berilah mutaah kepada isteri kamu walau pun ½ gantang daripada Tamar.

Kitab-Kitab yang di rujuk

1. Ahkam al-Ushrah
Karangan Dr. Ramadhan Ali as-Syaiyid al-Syarnabasyi
2. Al-Bayan Fi fiqh al-Iman as-Syafie
Karangan al-Iman al-Imraniy
3. Al-Tanbih
Oleh Iman as-Syirazi
4. Fiqh al-Kitab wa al-Sunah
Karangan Dr. Amir Abdul Aziz
5. فيض الاله المالك في صل العاظم عمدة السالك و عدة الناسك
كرامن – للصائم الصلاة السيد عمر
6. نفقه المتعة بين الشريعة والقانون
Karangan Dr Ahmad Fathi Bahansyi
7. Al-Fiqh al-Islam Wa Adilatuhu
Oleh Dr. Wahbah al-Zuhailiy
8. اعانة الطالبين
Karangan Al-Syed al-Bakri Ibnu al-Sayed Mohamad Shatha al-Dumyati.
9. الفقه الشافعي المبسر
Karangan Prof Dr. Wahbah al-zuhailiy
10. المعتمد في الفقه الاسلامي

Karangan Prof Dr. Muhammad al- Zuhailiy

Undang-Undang yang di rujuk

1. Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Melaka 2002 - Seksyen 49
2. Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Melaka 2002 – Seksyen 58

Kes-Kes yang di rujuk

Siti Asiah Abdul Aziz lawan Abdul Ghafar Hashim (2004 © Syariah).

PENGHAKIMAN OLEH YAA DATUK MAHAMMAD BIN IBRAHIM

1. BIDANG KUASA

Mahkamah mempunyai kuasa membicarakan dan memutuskan kes ini berdasarkan Seksyen 49(3)(b)(i) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Melaka 2002.

Seksyen 49(3)(b)(i) iaitu:-

- (i) Pertunangan, pembubaran perkahwinan (fasakh), nusyuz, atau pemisahan kehakiman (Faraq) atau apa-apa perkara lain yang berkaitan dengan perhubungan antara suami dan isteri.

Mengikut Seksyen 58 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Melaka 2002.

Seksyen 58

“Selain haknya untuk memohon nafkah, seseorang perempuan yang telah diceraikan tanpa sebab yang patut oleh suaminya boleh memohon Mutaah atau pemberian sugu hati kepada Mahkamah, dan

Mahkamah boleh selepas mendengar pihak-pihak itu dan apabila berpuas hati bahawa perempuan itu telah diceraikan tanpa sebab yang patut memerintahkan suami membayar apa-apa jumlah wang yang wajar dan adil mengikut Hukum Syarak”.

2. Mengikut keterangan plaintif, bahawa beliau telah berkahwin selama 34 tahun dengan Defendan. Akan tetapi berakhir dengan perceraian. Perceraian ini disebabkan oleh pihak Defendan memukul Plaintif. Plaintif dan defendan adalah Peneroka FELDA di Bukit Senggeh, Melaka. Plaintif seterusnya memberi keterangan mengenai situasi aktiviti hariannya bahawa, di sebelah pagi sebelum beliau pergi mengajar, beliau akan menoreh dahulu. Kemudian beliau akan pergi mengajar di tadika. Beliau pergi mengajar dengan menaiki bas M.O.S dan akan kembali dari tadika pada lebih kurang 12 tengah hari. Sekembali beliau ke rumah, beliau akan memasak makanan anak-anak. Pada sebelah petang pula lebih kurang jam 2 petang beliau akan ke kebun menguruskan kerja-kerja seperti menajak tanah dan membersihkan kebun. Anak-anak beliau akan menemani beliau ke kebun dan semasa Plaintif mempunyai ramai orang anak, maka anak perempuan beliau bernama Aliza yang akan menjaga adik-adik yang masih kecil. Keadaan ini berlaku pada tiap-tiap hari dan berlangsung bertahun-tahun. Pada sebelah petang pula sekembali dari kebun, beliau akan menguruskan anak-anak dan rumah tangga. Berkenaan kebajikan diri Defendan pula, Plaintif menyatakan beliaulah juga yang

menguruskan diri Defendan termasuk makan minum, pakaian, membasuh baju dan segala urusan rumah tangga. Plaintiff juga menyatakan semasa berkahwin dengan Defendan, kehidupan mereka sangat susah.

3. Untuk menampung keperluan hidup anak-anak, selain bekerja sebagai Guru, mengusahakan tanah kebun, Plaintiff juga membuat jualan kuih-muih. Pihak FELDA memberikan bantuan berbentuk barang makanan yang dianggarkan berjumlah RM150.00. Pemberian tersebut adalah setelah ditolak hutang dari hasil jualan getah. Hasil pendapatan Plaintiff di gunakan untuk perbelanjaan anak-anak. Semasa anak-anak semakin membesar contohnya sewaktu Shahrul Anuar ingin memasuki Universiti, Plaintiff membuat pinjaman koperasi sebanyak RM 2,000.00. Plaintiff seterusnya menyatakan selain kesengsaraan melalui kehidupan semasa berkahwin dengan Defendan, Plaintiff juga tidak tahan kerana di pukul oleh Defendan. Apabila Defendan kalah berjudi, Defendan akan meminta wang dari Plaintiff, dan sekiranya Plaintiff enggan Plaintiff akan dipukul oleh Defendan. Perkara ini telah berlaku ke atas Plaintiff sejak dari anak-anak masih kecil sehinggalah ke tarikh 25.10.2000, di mana Defendan telah menumbuk muka Plaintiff dengan tangan sehingga menyebabkan benjol dahi Plaintiff sebelah kanan.

4. Berkenaan kejadian pukul ini, Plaintiff menyatakan ia berpunca dari Defendan yang sedang marah kerana bertanyakan geran tanah yang Defendan syak Plaintiff yang mengambilnya. Plaintiff telah melarikan diri dan mencari tempat berlindung dengan pergi ke rumah jiran Plaintiff iaitu SP 4. Anak beliau iaitu SP 2 kemudiannya telah membawa Plaintiff ke Hospital Besar melaka dan semasa di hospital Plaintiff telah dirujuk ke pihak polis untuk membuat laporan polis. Plaintiff kemudiannya dirawat di hospital Besar Melaka.

5. Plaintiff juga merujuk kes ini ke Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan ini mendapati bahawa beliau di dera oleh Defendan. Akibat daripada deraan tersebut beliau merujuk kes ini kepada Majistret Jasin. Majistret Jasin yang seterusnya telah mengeluarkan Perintah Interim Protection Order di bawah Akta Keganasan Rumah tangga. Segala dokumen-dokumen yang berkaitan seperti laporan polis bernombor 285/2000 ditandakan P7, Borang permintaan untuk merujuk kes ke pihak polis sebagai P8, Borang pengesahan perkhidmatan yang diperlukan sebagai P9, Borang I di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga sebagai P10, dan Laporan Perubatan Doktor sebagai P11. Kes Defendan memukul Plaintiff telah mengakibatkan Defendan didakwa di Mahkamah Majistret Jasin dan keputusannya Defendan didapati bersalah memukul Plaintiff dan defendan di penjara satu (1) hari serta didenda RM 500.00. Keputusan

Mahkamah Majistret ini telah di tender di dalam Mahkamah Yang Mulia ini dan di tanda sebagai ekshibit P12.

6. **Keterangan saksi-saksi Plaintiff**

Semasa perbicaraan saksi-saksi Plaintiff telah memberi keterangan sokongan iaitu seperti berikut:-

a. **Keterangan berkenaan pekerjaan Plaintiff sebagai Guru Tadika dan Peneroka**

Keterangan ini disokong oleh SP1 bahawa Plaintiff telah memasuki FELDA bersama Defendan, keterangan SP 2,3,4,5 dan 6 kesemuanya menyokong bahawa Plaintiff adalah Peneroka FELDA kerana mereka merupakan anak-anak dan jiran Plaintiff yang hidup bersama di FELDA Bukit Senggeh. Mereka sendiri nampak Plaintiff mengusahakan tanah yang FELDA kurniakan. Keterangan mereka juga menyokong keterangan Plaintiff juga sebagai guru di samping menjadi peneroka dan waktu Plaintiff pergi ke tadika untuk mengajar di waktu pagi, seterusnya kembali ke rumah pada lebih kurang pukul 12 tengahari, seterusnya memasak dan jam 2 petang ke kebun untuk mengusahakan kebun.

b. **Keterangan berkenaan Defendan yang jarang pergi ke kebun/kalau ada pergi sekadar menghantar tetapi tidak mengusahakan**

Keterangan ini disokong oleh SP 2 yang menyatakan bapanya jarang datang ke kebun dan kalau datang pun, Defendan hanya tengok sebentar dalam 10 minit dan anak-anak yang buat kerja seperti SP 2 pungut sekerap dan abang menoreh getah. Begitu juga keterangan SP 3,4,5 dan 6 masing-masing menyatakan Defendan ada ke kebun tetapi hanya sekadar pergi sekejap tetapi tidak mengusahakan kebun, malahan SP 6 pula mengatakan "ayah hanya hantar kami ke kebun, lepas itu ayah hilangkan diri tak tahu ke mana"

c. Keterangan berkenaan Defendan yang memukul Plaintiff

SP2, SP4, SP5 dan SP6 mengesahkan Plaintiff sering kena pukul dengan Defendan malahan SP6 yang merupakan anak Plaintiff dan menyatakan bahawa Plaintiff sering dipukul oleh Defendan sewaktu SP6 masih kecil lagi dan itulah salah satu punca perceraian mereka. Sewaktu Plaintiff ditumbuk sehingga benjol di mukanya pada kejadian tahun 2000, Plaintiff telah menyelamatkan diri dan lari ke rumah jiran iaitu SP4 dan SP4 di dalam keterangannya mengesahkan nampak mata Plaintiff lebam. SP2, SP5 dan SP6 juga nampak mata dan muka Plaintiff lebam-lebam dan SP2 telah membawa Plaintiff ke hospital untuk mendapatkan rawatan.

7. Daripada keterangan saksi-saksi Plaintiff ini, Mahkamah dapati bahawa kebanyakan saksi Plaintiff yang memberikan keterangan sokongan adalah terdiri daripada anak-anak Plaintiff dan Defendan. Mengikut seksyen 85(2) Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Negeri Melaka tahun 2002 menjelaskan bahawa:

85(2) Keterangan seorang anak terhadap ibu atau bapanya dan keterangan ibu atau bapa terhadap anaknya boleh diterima sebagai syahadah dan bayinah.

Dalam kes ini Mahkamah hanya menerima keterangan anak-anaknya sebagai keterangan bayinah sahaja kerana tidak ada petunjuk yang menunjukkan saksi-saksi anak-anak tersebut membuat keterangan secara syahadah.

8. **Keterangan Defendan.**

Mengikut keterangan Defendan bahawa beliau kini telah berkahwin lain. Beliau sekarang ini bekerja menoreh getah di FELDA Bukit Senggeh, Jasin, Melaka. Sebelum ini Defendan telah bekerja sebagai Pemandu Van 2 tahun dahulu. Kehidupannya selama 34 tahun semasa bersama Plaintiff adalah sederhana sahaja.

9. Defendan menyatakan bahawa anggaran pendapatan sehari sebanyak RM 20.00 dan dalam sebulan RM 600.00. Manakala FELDA telah memberikan wang sara hidup sebanyak RM 750.00 sebulan, secara

kasarnya pendapatan bulanan defendan berjumlah sebanyak RM 1,350.00.

10. Defendan dalam keterangannya telah membentangkan perbelanjaan bulanannya adalah seperti berikut:-

i. Nafkah isteri baru sebulan	RM 400.00
ii. Bayaran bil elektrik dan air sebulan	RM 65.00
iii. Sara ibu mertua	RM 200.00
iv. Minyak kereta	RM 300.00
v. Ansuran kereta	RM 232.00
vi. Perbelanjaan peribadi	RM 60.00
vii. Nafkah 4 orang anak	RM 350.00

JUMLAH RM1,607.00

11. Kedua-dua saksi Defendan telah menyatakan bahawa pendapatan Defendan sebagai Peneroka adalah di dalam lingkungan RM 1,500.00 sebulan, mereka telah menyatakan bahawa penghidupan Defendan adalah sederhana. Kedua-dua mereka menyatakan, Defendan telah berkahwin lain dan mengesahkan bahawa Defendan juga membayar nafkah anaknya adalah dalam lingkungan RM 200.00. Defendan juga telah menanggung semua perbelanjaan termasuklah pembayaran pinjaman kereta, belanja anak-anaknya, belanja keluarga baru.

Saksi Defendan mengatakan bahawa selain daripada pendapatan tersebut Defendan tiada mempunyai sumber pendapatan yang lain kecuali itu sahaja. Sekarang ini Defendan tidak beberapa sihat

12. Di dalam kes tuntutan mutaah ini timbul beberapa isu. Isunya ialah adakah pihak Plaintiff berhak menuntut mutaah sebanyak RM 82,000.00 setelah 34 tahun bersama dengan Defendan. Adakah mutaah itu wajib di berikan kepada isteri yang telah di ceraikan oleh suaminya. Berapakah kadar yang patut di terima oleh Plaintiff (isteri).
13. Mengikut Firman Allah Dalam surah Al Baqarah ayat 241.

وللمطلقات متاع ما لمعروف حقاً على المتقين

Terjemahannya: Dan bagi isteri-isteri yang diceraikan berhak mendapat mutaah dengan cara yang patut sebagai satu tanggungan yang wajib bagi orang-orang yang bertakwa.

قال الله تعالى : حقاً على المحسنين

Terjemahan : Firman Allah Taala: Mutaah itu adalah tanggungan yang wajib ke atas orang-orang yang Muhsin (Orang yang berbuat kebaikan)

Surah al-Baqarah 237

Kata Dr. Ramadhan Ali as-Syaiyid al-Syarnabasyi didalam kitabnya “ Ahkam al-usrah” mukasurat 185 :

قال الله تعالى (حقا على المحسنين) فقد دلت الآية - كما هو مقرر عند علماء الأصول - عند الإطلاق يفيد الوجوب

Berdasarkan ayat diatas secara umumnya menunjukkan kepada Hukum wajib memberi Mutaah sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Ulama usul al-Fiqh

14. Dalil As-Sunnah:

عن جابر بن عبد الله (رضى الله عنهما) قال : لما طلق حفص بن المغيرة امرأته فاطمة فأنتت النبي (صلى الله عليه وسلم) فقال لزوجها : متعها : قال : لا أجد ما أمتعها ، قال : (فإنه لا بد من المتاع ، قال : متعها ولو نصف صاع من تمر .
رواه البيهقي

Diriwayatkan daripada Jabir bin Abdillah (r.a.h) , Katanya : Bila mana Hafz bin Mughirah mentalaqkan isterinya Fatimah, Fatimah terus menemui Baginda Rasulullah (s.a.w) mengadu hal tentang dirinya yang telah diceraikan oleh suaminya. Bila Baginda Rasulullah (s.a.w) mendengar dakwaan Fatimah itu lalu Rasulullah (s.a.w) pun memerintahkan kepada suami Fatimah memberi Muta'ah kepada isterinya. Jawab (suami) Hafz bin Mughirah : Wahai Rasulullah (s.a.w) ,Aku tidak ada apa-apa yang boleh ku berikan kepada isteriku sebagai Muta'ah.Jawab Baginda Rasulullah s.a.w .Awak mesti memberi Mutaah kepada isteri awak .Sabda rasulullah s.a.w lagi berikanlah Mutaah kepada isterimu walaupun setengah gantang daripada tamar.

Merujuk didalam kitab " al-Bayan Fi Fiqh al-Imam as-Syafeiy " karangan al- Imam al-Imraniy , jld 9 , hlm 432 , cetakan Dar al-kutub al-Ilmiyyah Beirut Lebanon ada menyebut ;

Pendapat qaul Jadid

قال في الجديد : لها المتعة

Kata Imam Al-Shafie dalam pendapat Jadidnya bahawa perempuan yang ditalak itu berhak mendapat mutaah.

وبه قال عمر ، وعلي ، والحسن بن علي ، وابن عمر رضي الله عنهم وأرضاهم ، ولا مخالف لهم من الصحابة رضي الله عنهم .

قال المحاملي : وهو الأصح ، لقوله - تعالى - (و للمطلقات متاع بالمعروف حقا على المتقين) (البقرة : 241) فجعل الله - سبحانه وتعالى - المتعة لكل مطلقة

Pendapat ini adalah selari dengan pendapat Saidina Umar, Saidina Ali, Saidina Hasan ibnu Ali, Saidina Abdullah ibnu Umar

Pendapat mereka ini tidak disanggah oleh mana-mana dikalangan para sahabat Nabi s.a.w yang lain

Kata Imam al-Mahamiliy : Pendapat ini adalah pendapat yang " الأصح

" ini adalah kerana Allah Taala berfirman :

" Bagi perempuan-perempuan yang ditalaqqan oleh suaminya, bagi mereka hak mutaah pemberian yang patut bagi mereka "

Ayat di atas menunjukkan bahawa setiap perempuan yang ditalaqqan oleh suaminya adalah berhak mendapat mutaah.

15. Ini dikukuhkan oleh pandangan Imam as-Syirazi di dalam kitab "Al-Tanbih"

قال صاحب التنبيه: كل فرقة وردت من خهة الزوج باسلام أو ردة أو خلع فحكمه حكم الطلاق في ايخاب المتعه

"Tiap-tiap perceraian yang datang dari pihak suami sama ada kerana masuk Islam atau Murtad, Li'an atau Khulu' maka hukumnya adalah seperti hukum Talaq pada mewajibkan kepada sisuami memberi Mutaah kepada isteri yang telah diceraikan.

16. Dr. Ramadhan Ali As-Syaiyid al-Syarnabasyi menyebut di dalam kitabnya Ahkam al-Usrah

وقد أوجب الشافعي المتعة علي الزوج لكل مطلقة سواء أكان طلاقها قبل الدخول أم كان بعده وسواء كان الطلاق بعد

الدخول رخعيا أم باننا الا أن يكون سبب الفراق من الزوخه وحدها أو منها ومن الزوخ معا

"Imam as-Syafie telah mewajibkan Mutaah ke atas suami bagi setiap talaq sama ada sebelum bersetubuh atau selepas bersetubuh dan juga sama ada Talaq Rajei atau Bain kecuali perceraian yang berpunca dari sebab isteri (seperti Murtad atau memerdekakannya atau ujud aib padanya) atau berpunca dari kedua-dua pihak suami isteri (seperti kedua-duanya murtad)"

Ini berdasarkan firman Allah Taala:

Terjemahan: Maka ambillah isteri kamu cara baik dan lepaskannya dengan cara ihsan.

Menurut pandangan Dr. Ramadhan Ali dengan cara memberi Mutaah adalah ihsan yang dituntut oleh Syarak maka oleh sebab itu pemberian Mutaah selepas penceraian adalah wajib ke atas suami.

17. Begitu juga Dr. Amir Abdul Aziz menyebut di dalam kitabnya "Fiqh al-Kitab Wa al-Sunah" jilid 1 muka surat 484:

ذهب الشافعية الى وخوب المتعة لكل مطلقة. واليه ذهب ابن عباس وابن عمر وعطاء وجابر بن زيد وسعيد بن خبير
والحسن لبصري وأحمد واسحق

Ulama Syafiah mewajibkan Mutaah bagi tiap-tiap talaq. Pandangan ini disokong dengan pandangan Abdullah ibnu Abbas, Ibnu Umar, A'Ta', Jabir ibnu Zaid, Said bin Jubir, Hassan al-Basri, Imam Ahmad dan Imam Ishak.

Daripada dalil Al-Quran dan Sunah serta beberapa pendapat ulama yang telah dinyatakan di atas menunjukkan bahawa Mutaah adalah wajib diberikan isteri yang telah diceraikan oleh pihak suaminya.

18. Setelah mengetahui Mutaah adalah wajib di berikan kepada isteri yang telah diceraikan maka timbul persoalan adakah wajib pula pihak isteri untuk membuktikan bahawa:-
- i) Adakah wujudnya ikatan perkahwinan yang sah mengikut Hukum syarak di antara Plaintiff dan Defendan
 - ii) Adakah perceraian tersebut di sebabkan oleh Defendan atau Plaintiff
 - iii) Berapakah kadar Mutaah yang mampu di bayar oleh Defendan kepada Plaintiff.
19. Mengenai persoalan fakta pertama pihak Plaintiff telah dapat membuktikan bahawa mereka telah berkahwin pada 7.4.1969 dan bercerai pada 7.3.2003. Ini bermakna telah wujud ikatan perkahwinan yang sah mereka selama 34 tahun. Pihak Plaintiff telah menunjukkan surat nikah dan sijil perceraian yang asal kepada Mahkamah yang ditandakan sebagai P1 untuk sijil nikah dan P2 sijil cerai.
20. Mengenai persoalan fakta yang kedua, pihak Plaintiff telah dapat membuktikan bahawa punca perceraian adalah disebabkan oleh Plaintiff. Plaintiff sering dipukul, ditumbuk sehingga benjol. Tidak tertahan dengan sikap Defendan maka Plaintiff telah lari ke rumah jiran. Ini dibuktikan oleh Plaintiff di mana perkara tersebut telah dibawa ke Majistret Jasin dan Majistret Jasin telah mengeluarkan

perintah 'interim protection order' di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga.

21. Plaintif dapat membuktikan dengan membawa segala dokumen seperti laporan Polis bernombor 285/2000 yang ditandakan sebagai P7; laporan doktor sebagai P11. Akhirnya pihak Defendan dijatuhkan hukuman bersalah kerana memukul Plaintif dan Defendan di penjara satu (1) hari serta di denda RM500.00. Ini di tandakan sebagai P12.
22. Dalam perkara ini saksi SP2, SP4, SP5 dan SP6 telah mengesahkan Plaintif dipukul sehingga lebam-lebam dan dibawa ke hospital untuk mendapatkan rawatan. Ini menunjukkan bahawa Plaintif telah dapat membuktikan bahawa punca perceraian adalah disebabkan Defendan dan bukan disebabkan oleh Plaintif.
23. Mengenai persoalan fakta yang ketiga Mahkamah berpendapat ada 3 pendapat ulama mengenai kadar mutaah

Pandangan Pertama:

Mutaah di Fardukan berdasarkan keadaan suami

Ini berdasarkan Firman Allah Taala:

(ومتعوهن وعلى الموسع قدره وعلى المقتر قدره)

Berikan Mutaah ,orang yang kaya mengikut kekayaannya manakala orang yang miskin mengikut kadar kemiskinannya.

Surah al-Baqarah (2) ayat 236

Ayat di atas menunjukkan bahawa kadar Mutaah adalah berdasarkan kepada keadaan suami , ini adalah kerana Ganti nama di dalam ayat al-Quran di atas (•) merujuk kepada suami

Pandangan kedua:

Mutaah di Fardukan berdasarkan kepada keadaan isteri

Ini berdasarkan Firman Allah Taala:

"متاعا بالمعروف "

Terjemahannya Pemberian yang patut bagi bekas isteri "

Berdasarkan ayat di atas Golongan kedua ini berpendapat bahawa Mutaah adalah dilihat kepada keadaan bekas isteri ini berdasarkan mafhum ayat di atas bahawa adalah tidak dikira patut sekira diberikan Mutaah dengan pakaian yang tidak berkualiti kepada bekas isterinya yang kaya .Sebagaimana yang dimaklumi bahawa Mutaah adalah kedudukannya seperti separuh mahar mithil. Mahar Mithil adalah ditentukan oleh berdasarkan keadaan keluarga perempuan

Pandangan Ketiga:

Mutaah adalah dinilai berdasarkan keadaan kedua-dua belah pihak.

Menurut kebanyakan Ulama mazhab al-Syafie berpandangan ianya diserahkan kepada Kadhi dalam menentu kadar Mutaah

Ini berdasarkan di dalam kitab Mazhab Syafie "Faidul ilah al-Malik

فيض الإله المالك في حل ألفاظ عمدة السالك وعدة الناسك

للعالم العلامة السيد عمر بركات

وهي شئ (من المال) يقدره الحاكم بإجتهاده (والواجب في ما يتراضى الزوجان عليه ، وإذا حصل : المتعة
التراضى على شيء قليلا كان أو كثيرا فذاك وإلا فيقدره الحاكم ، فلا يرجع إليه إلا عند التنازع)
ويعتبر الحاكم (في تقديره) فيه (أى في الشئ الواجب) حال الزوجين (من يسار الزوج وإعساره ونسب المرأة
وصفاتها السابقة)

Mutaah ialah sesuatu daripada harta yang ditentukan oleh Hakim dengan Ijtihadnya iaitu harta yang dipersetujui di antara suami isteri, sekiranya dipersetujui di antara kedua belah pihak, maka itulah kadar Mutaah, manakala sekiranya tidak ada kesepakatan tentang kadar Mutaah maka Hakim akan menentukan kadar Mutaah tersebut. Kaedah Hakim dalam menentukan kadar Mutaah adalah berdasarkan keadaan suami isteri dari sudut senang dan susah dan juga kepada keadaan keturunan isteri tersebut dan sifatnya.

24. Menurut di dalam kitab " الفقه الشافعي الميسر " karangan Prof Dr. Wahbah az-Zuhailiy, him 99 jilid 2, cetakan Dar al-Fikr tahun 2008 ada menyebut:

يستحب ألا تنقص المتعة عن ثلاثين درهما أو ما قيمته ذلك , وأعلاها خادم, وأوسطها ثوب ويسن ألا تبلغ نصف مهر المثل, فإن بلخته أو جاوزته جاز, لا تطلق الآية السابقة /

Di sunatkan pada kadar mutaah tidak kurang daripada 30 dirham atau yang senilai dengannya.

Setinggi-tinggi kadar mutaah ialah seorang khadam.

Pertengah kadar mutaah ialah sepasang kain

Dan disunatkan mutaah itu tidak melebihi kadar Mahar Mithil,

Maka hukumnya adalah harus jika kadar mutaah itu menyamai kadar mahal mithil atau lebih daripadanya.

Ini adalah berlandaskan pada umum ayat al-Quran

(ومتعهن وعلى الموسع قدره وعلى المقتر قدره)

Surah al-Baqarah (2) ayat 236

Berikan mutaah, orang yang kaya mengikut kekayaannya manakala orang yang miskin mengikut kadar kemiskinannya.

Ini juga berdasarkan daripada riwayat Abdullah bin Umar r.a seperti mana katanya:

قال : يمتعها بثلاثين درهما

Berikan Mutaah kepada isteri yang telah talaqkan sebanyak 30 dirham

)

25. Dalam menentu nilai 30 Dirham tersebut , mahkamah telah merujuk kepada pandangan Dr.wahbah al-Zuhailiy , di dalam kitabnya "al- Fiqh al-Islami Wa Adilatuhu " juzuk 1(terjemahan) muka surat 59 ada menyebut bahawa:

10 Dirham bersamaan 7 mithqal emas. Kalau 30 dirham bermakna; $30 \text{ dirham} \times 7 \text{ mithqal emas} = 210 \text{ mithqal emas}$. 1 mithqal emas bersamaan 4.80 gram. Ini bermakna $210 \text{ mithqal emas} \times 4.80 \text{ gram} = 100.8 \text{ gram}$.

Mengikut di Malaysia harga pasaran emas semasa dalam bulan Mei 2009 ialah 1 gram bersamaan RM107.00. Maka $100.8 \text{ gram} \times 107.00 = \text{RM}10,785.60$. Harga pasaran terkini untuk 30 dirham adalah dalam lingkungan RM10,785.60. Inilah kadar mutaah yang wajib di bayar kepada isteri yang telah diceraikan oleh suami mengikut semasa, seperti mana yang diutarakan oleh Dr. Wahbah al-Zuhailiy. Inilah pandangan beliau yang mashar di dalam Kitab Al-Fiqh al-Islani Wa Adilatuhu.

26. Daripada pandangan ulama' tersebut saya berpendapat bahawa adalah tidak adil kalau saya tidak mengaitkan dengan keadaan realiti sebenarnya penghidupan Plaintiff dan Defendan. Mengikut Keterangan Defendan, bahawa beliau tidak mampu untuk membayar mutaah sebanyak RM82,000 seperti mana yang di tuntutan oleh Plaintiff. Ini adalah kerana seperti mana yang dibentangkan di dalam keterangan Defendan bahawa pendapatan beliau menoreh getah sehari RM20.00, satu bulan RM600.00. FELDA memberi wang sara hidup RM750.00 sebulan. Maka jika dijumlahkan pendapatan Defendan sebulan ialah (RM600.00 + RM750.00) RM1,350.00 sedangkan perbelanjaan bulannya adalah berjumlah seperti berikut:-

i. Nafkah isteri baru sebulan	RM 400.00
ii. Bayaran bil elektrik dan air sebulan	RM 65.00
iii. Sara ibu mertua	RM 200.00
iv. Minyak kereta	RM 300.00
v. Ansuran kereta	RM 232.00
vi. Perbelanjaan peribadi	RM 60.00
vii. Nafkah 4 orang anak	RM 350.00

JUMLAH RM1,607.00

27. Saya mendapati bahawa setelah ditolak dengan pendapatan dan perbelanjaan Defendan maka jumlah bakinya menunjukkan negatif iaitu seperti berikut:

Jumlah pendapatan bulanan	RM1,350.00
---------------------------	------------

29. Setelah melihat kepada kedua-dua belah pihak saya mendapati dari satu segi Defendan tidak mampu untuk membayar mutaah. Tetapi pihak Plaintif ada mencadangkan iaitu di dalam keadaan Plaintif dan Defendan mempunyai sebidang tanah seluas 10 ekar dan sebuah rumah seluas ½ ekar tanah, maka bayaran untuk mutaah ini masih boleh diambil dari hasil tanaman kelapa sawit. Selanjutnya sebuah rumah FELDA yang dibina di atas tanah seluas ½ ekar yang beralamat No. 97, FELDA Bukit Senggeh, Asahan 77100 Melaka boleh disewakan dan hasil sewa boleh digunakan untuk membayar mutaah Plaintif. Tetapi di dalam persoalan ini Plaintif tidak menyatakan berapa jumlah sewaananya.
30. Di dalam menimbangkan kadar mutaah tersebut Mahkamah juga akan melihat kepada realiti penghidupan peneroka FELDA. Sebagai peneroka yang bergantung sepenuhnya kepada pendapatan FELDA ia kadang kala bertambah dan kadang kala berkurangan. Ini tidak boleh dinafikan. Akan tetapi di samping mempunyai pendapatan tetap, pihak FELDA juga ada memberikan inisiatif bonus tahunan kepada peneroka FELDA. Mengikut Plaintif bahawa peneroka telah diberikan bonus tiap-tiap tahun sebanyak RM300.00 khusus untuk menyambut Hari Raya Aidil Fitri sahaja.
31. Di dalam persoalan perbelanjaan yang dibentangkan oleh Defendan, Mahkamah tidak menerima bulat-bulat terhadap kenyataan bahawa

perbelanjaan Defendan adalah negatif. Kalau perbelanjaan menunjukkan negatif, bagaimana pula dengan lain-lain perbelanjaan dan tanggungan Defendan. Bolehkan seseorang itu apabila dia mengetahui perbelanjaannya melebihi daripada pendapatan, terus berdiam diri tidak berusaha untuk menambahkan pendapatannya. Mahkamah percaya tentu ada usaha dan kerjanya. Saya mendapati di dalam keterangan defendan ada menyatakan bahawa di samping kerja-kerja menoreh getah beliau ada mengambil upah meracun, menebas dan memetik kelapa sawit. Hasil daripada pendapatan ini boleh menampung keperluan perbelanjaannya. Mahkamah mendapati di dalam kes ini walaupun telah membentangkan perbelanjaannya akan tetapi Defendan tidak mengemukakan bukti-bukti dokumen dan saksi-saksi untuk menyokong keterangan beliau. Mahkamah anggapkan bahawa pembentangan perbelanjaan secara defisit adalah dakwaan semata-mata kerana saya dapati dakwaan Defendan tidak memenuhi dan menepati kehendak dakwaan.

32. Mengikut Al-Syed al-Bakri Ibnu al-Sayed Mohamad Shatha al-Dumyati (meninggal tahun 1300 Hijrah) di dalam kitabnya "اعانة الطالبين" halaman 508-509, jilid 4 cetakan al-Maktabah al-Taufiqiyyah Mesir ada menyebut:-

1. أن نكون مفصلة بان يفصل المدعي ما يدعيه

1. Dakwaan seseorang yang mendakwa itu hendaklah terang dan menghuraikan secara terperinci

2. أن تكون ملزمة للمدعي عليه

2. Yang kena dakwa terikat dengan dakwaan

3. أن يعين المدعى عليه

3. Hendaklah ditentukan orang kena dakwa

4. أن لا تناقضها دعوى أخرى

4. Dakwaan yang dibuat tidak bercanggah dengan dakwaan yang lain

5. أن يكون كل من المدعي والمدعى عليه مكلفا

5. Bahawa tiap-tiap orang yang mendakwa atau kena dakwa adalah mukalaf

6. أن يكون كل منهما ملتزما للأحكام

6. Bahawa tiap-tiap orang yang mendakwa dan orang yang kena dakwa terikat dengan hukum.

33. Daripada keterangan-keterangan yang diberikan, menunjukkan bahawa pihak-pihak tidak ada kesepakatan dalam penentuan kadar mutaah ini. Oleh sebab tidak ada kesepakatan dalam menentukan

kadar mutaah maka adalah lebih baik diserahkan kepada Hakim untuk membuat penentuan kadar tersebut. Ini adalah selaras dengan pandangan ulama' yang memberikan kuasa kepada hakim untuk menentukan kadar mutaah tersebut.

34. Merujuk didalam kitab "الفقه الشافعي الميسر" karangan Prof.Dr Wahbah az-Zuhailiy , hlm 99 jilid 2 , cetakan Dar al-Fikr tahun 2008 ada menyebut :

إن تنازع الزوجان في قدر المتعة ، قدرها القاضي بنظره ، أي باجتهاده بحسب ما يليق بالحال ، مراعيًا أو معتبرًا حالهما من يسار وإعسار ، ونسبها وصفاتها ،
لقوله تعالى : (ومتعوهن على الموسع قدره البقرة 2/ 236)
وقوله سبحانه تعالى : (وللمطلقات متاع بالمعروف البقرة 2/ 241)

Jika suami isteri bertelingkah pada kadar mut'aaah , maka hakim akan menentukan kadarnya dengan ijtihatnya dengan mengambil kira kadar kelayakan semasa dan mengambil kira keadaan suami isteri dari sudut senang dan susah dan meraikan juga nasab perempuan dan sifat-sifatnya.

Ini berdasarkan Firman Allah Taala:

ومتعوهن وعلى الموسع قدره وعلى المقتر قدره

Berikan Muta'ah ,orang yang kaya mengikut kekayaannya manakala orang yang miskin mengikut kadar kemiskinannya.(Surah al-Baqarah 236)

Dan Firman Allah Taala:

والمطلقات متاع بالمعروف حقا على

Dan bagi isteri-isteri yang diceraikan berhak mendapat mua'ah dengan cara yang patut sebagai satu tanggungan yang wajib bagi orang-orang yang bertaqwa. (Al-Baqarah 241)

35. Berdasarkan kepada pemerhatian, Mahkamah dapati Plaintiff adalah merupakan peneroka FELDA. Di samping peneroka FELDA Plaintiff juga bekerja sebagai Guru Tabika. Plaintiff juga sepanjang kehadiran beliau di dalam perbicaraan adalah berpakaian yang sederhana tetapi mengikut trend corak baju terkini. Dari sudut gaya hidup dan berpakaian, Mahkamah membuat kesimpulan bahawa Plaintiff merupakan orang sederhana dalam penghidupannya.
36. Manakala, Defendan, Mahkamah mendapati hidupnya agak sederhana juga. Beliau mempunyai pendapatan RM1,350 sebulan hasil daripada jualan kelapa sawit. Beliau juga ada menerima wang sara hidup yang dibayar oleh FELDA sebanyak RM750.00 sebulan. Pihak FELDA juga memberikan bonus setahun sekali untuk perbelanjaan menyambut hari raya Aidil Fitri sebanyak RM300.00 setahun. Di samping itu juga Defendan juga mendapat lebih kurang RM600.00 sebulan hasil daripada pekerjaan menoreh getah. Kesimpulannya pendapatan Defendan sebulan dapat diringkaskan seperti berikut:-

1.	Pendapatan hasil jualan kelapa sawit	-	RM1,350.00
2.	Bayaran saraan hidup sebulan	-	RM 750.00
3.	Bayar bonus Hari Raya setahun RM300		
	Bahagi 12 bulan	-	RM 25.00
4.	Pendapatan menoreh getah	-	RM 600.00

Jumlah -

RM2,725.00

37. Manakala perbelanjaan bulanan Defendan adalah seperti berikut:-

i.	Nafkah isteri baru sebulan	RM 400.00
ii.	Bayaran bil elektrik dan air sebulan	RM 65.00
iii.	Sara ibu mertua	RM 200.00
iv.	Minyak kereta	RM 300.00
v.	Ansuran kereta	RM 232.00
vi.	Perbelanjaan peribadi	RM 60.00
vii.	Nafkah 4 orang anak	RM 350.00
viii.	Perbelanjaan penyelenggaraan Tanah FELDA	RM 200.00
ix.	Potongan pembatalan kontrak Cina	RM 300.00
x.	Perbelanjaan penyelenggaraan FELDA	RM 200.00

JUMLAH RM2,307.00

38. Untuk mengetahui berapakah baki lagi wang yang ada dengan Defendan maka Mahkamah akan membuat pengiraan iaitu jumlah

pendapatan ditolak dengan jumlah perbelanjaan sebulan Defendan.
Pengiraan adalah seperti berikut:-

i)	Jumlah pendapatan sebulan	-	RM2,725.00 –
ii)	Jumlah perbelanjaan sebulan	-	RM2,307.00
	Bakinya		RM 418.00

Ini bermakna Defendan masih lagi ada lebih sebanyak **RM418.00**. Kalau sebulan Defendan memperoleh RM418.00 maka dalam setahun Defendan mempunyai wang sebanyak (418 x 12 bulan) RM5,016.00 setahun.

Jika wang setahun RM5,016.00 ada di tangan Defendan maka jika di kali sepuluh tahun bermakna ia akan meningkat kepada (RM5,016.00 x 10 tahun) RM50,160.00. Jumlah ini kalau di kali dengan 30 tahun maka Defendan mempunyai sebanyak (RM50,160.00 x 30 tahun) RM150,480.00. Jika diukur daripada pendapatan Defendan tersebut maka seolah-olah menunjukkan beliau mampu untuk membayar mutaah seperti mana yang dituntut oleh Plaintiff sebanyak RM82,000.00. Namun begitu adakah ukuran ini menjadi kebenaran dan adakah setakat 34 tahun berkahwin dengan Plaintiff, Defendan boleh mengumpulkan wang sebanyak itu.

39. Dalam kes tuntutan penentuan mutaah ini saya berpendapat ia harus dikaji dari segi keadaan semasa, munasabah dan adil bagi pihak-pihak yang terlibat. Mengikut kes Siti Asiah Abdul Aziz lawan Abdul Ghafar

Hashim [2004 (C)] Syariah m.s. 316 yang diputuskan oleh Allahyarham Profesor Ahmad bin Ibrahim dengan menyatakan bahawa:-

“Untuk menentukan jumlah mutaah, Mahkamah tidak perlu memandang ke belakang dan mengira mutaah itu atas kadar harian untuk masa perkahwinan. Mentaksirkan mutaah, menimbangkan apa yang adil dan munasabah memandangkan kepada kedudukan kewangan dan sosial pihak-pihak dan bukan atas kata pembayaran harian untuk masa perkahwinan itu.”

Untuk menentukan kadar mutaah secara munasabah dan adil mengikut keadaan semasa maka saya membuat satu rangka panduan dan formula bagi mengukur kemampuan Defendan sebenarnya selaras dengan kesederhanaan pendapatan Defendan dan juga selaras dengan keadaan semasa.

PANDUAN ANGGARAN MUTAAH

Bil.	Pendapatan bersih Sebulan (RM)	Pendapatan bersih setahun (RM)	Jumlah Tuntutan Sebenar	Tempoh Perkahwinan
1.	8,000 – 10,000	96,000 – 120,000	Terpulang kepada jumlah	Seperti mana yang
2.	7,000 – 8,000	84,000 – 96,000		
3.	6,000 – 7,000	72,000 – 84,000		
4.	5,000 – 6,000	60,000 – 72,000		

5.	4,000 – 5,000	48,000 – 60,000	tuntutan	dinyatakan dalam tuntutan tempoh perkahwinan
6.	3,000 – 4,000	36,000 – 48,000		
7.	2,000 – 3,000	24,000 – 36,000		
8.	1,000 – 2,000	12,000 – 24,000		
9.	500 – 1,000	6,000 – 12,000		
10.	250 – 500	3,000 – 6,000		

Anggaran mutaah ini hendaklah berdasarkan kepada pendapatan bersih bulanan semasa. Formulanya adalah seperti berikut:-

Tempoh perkahwinan dibahagikan dengan pendapatan bersih bulanan dan dikalikan dengan jumlah tuntutan mutaah. Dalam kes ini saya dapati tempoh perkahwinan adalah **34 tahun**, pendapatan bersih bulanan **RM418.00**. Jumlah tuntutan mutaah ialah **RM82,000.00**.

Pengiraannya adalah seperti berikut:-

$$\begin{array}{r}
 34 \text{ tahun} \\
 \text{-----} \\
 \text{Pendapatan bulanan RM418.00}
 \end{array}
 \times \text{Jumlah tuntutan RM82,000.00}$$

$$\begin{array}{r}
 34 \\
 \text{-----} \\
 418
 \end{array}
 \times 82,000.00 = \mathbf{RM6,669.00}$$

=====

Dalam kes ini saya berpendapat bahawa kadar mutaah yang wajib di bayar oleh Defendan adalah sebanyak RM6,669.00. Ini adalah berdasarkan kepada ukuran kemampuan Defendan. Saya percaya bahawa dengan kadar tersebut ia tidak terlalu tinggi dan tidak terlalu rendah dan tidak membebankan Defendan serta adil dan munasabah.

Ini adalah selaras dengan kesederhanaan penghidupan mereka berdua dan mengikut keadaan semasa

40. Kadar mutaah sebanyak RM6,669.00 adalah mengambil kira sumbangan secara langsung dalam mendidik dan menguruskan rumah tangga serta sumbangan secara langsung Plaintiff terhadap usaha-usaha memajukan tanah FELDA sehingga membuahkan hasil selama 34 tahun perkahwinan mereka.

Mahkamah juga mengambil kira akibat daripada susah payah Plaintiff dalam mengharungi ranjau sepanjang jalan dalam menghadapi liku-liku kehidupan semasa 34 tahun bersama-sama Defendan. Justeru itu juga Mahkamah mengambil kira juga kesan-kesan akibat daripada penceraian yang telah dilakukan kepada Plaintiff sepanjang penceraian tersebut. Dalam hal ini Mahkamah mengambil kira juga baki pendapatan bersih Defendan setelah ditolak tanggungan perbelanjaan dan keperluan. Di samping itu juga Mahkamah mengambil kira juga syor daripada Plaintiff bahawa rumah yang mereka ubahsuai nilainya RM50,000.00 boleh disewakan dan hasil daripada sewaan rumah itu boleh digunakan untuk membayar mutaah.

41. Berdasarkan kepada tuntutan mutaah plaintiff sebanyak RM82,000.00 adalah tidak munasabah kerana Defendan telah terbukti tidak mampu untuk membayar mutaah ini. Ini adalah kerana Defendan telah berkahwin lain dan mempunyai anak tiri serta mempunyai anak-anak

sendiri hasil daripada perkahwinan dengan Plaintiff. Sebagai seorang ketua rumah tangga sudah tentulah ia memerlukan pengeluaran wang yang banyak untuk menyelesaikan tanggungan yang di tanggung oleh Defendan.

42. Dengan kadar tersebut saya berpendapat bahawa Plaintiff boleh meneruskan penghidupan persendiriannya dengan tidak bergantung pada keluarganya dan anak-anaknya. Inilah yang akan menggembirakan dan mengubat kedukaan hati jiwa nuraninya akibat daripada perceraian tersebut. Itulah tujuan mutaah sebenar-benarnya.

43. Merujuk di dalam kitab " المعتمد في الفقه الإسلامي " karangan Prof .Dr. Muhammad al-Zuhailiy , jld 4, hlm 128 cetakan Dar al-Qalam Damsyik

tahun 1428H bersamaan 2007M ada menyebut :

و تجب المتعة جبرا لما لحقها من الطلاق ولتطبيب قلبها عند فراق بيت الزوجية ، والتخفيف من الإستيحاش بسبب ما تشعر به من مفارقة زوجها ، ولكسر حدة الألم والكراهية التي تنتج غالبا عن هذا الفراق .

Kewajipan memberi Mutaah adalah kerana menutup sangkaan buruk orang terhadap isteri yang telah diceraikan serta bertujuan menyukakan hati bekas isteri ketika berpisah dari rumah kelaminnya , dan Mutaah juga bertujuan menenangkan emosi yang tidak tenteram , kepedihan hati yang dialami oleh isteri akibat perceraian dengan suaminya.

Menurut Pandangan Dr. Ramadhan Ali di dalam kitabnya "Ahkam Al-usrah" muka surat 183 ;

وسبب إجابته على الزوج إباحته إياها بفرقة لا يد لها فيها وتطييبا لخاطرها

Di antara sebab wajib bagi suami memberi Mutaah kepada bekas isterinya ialah sebagai tanda halus perasaan suami terhadap bekas isterinya yang tidak membiarkan bekas isterinya terlantar begitu sahaja kerana selepas perceraian bekas isterinya tidak ada tempat pergantungan dan juga ia bertujuan untuk menyukakan hati bekas isteri dengan sebab pemberian mutaah tersebut.

Di atas keterangan-keterangan yang diberikan Mahkamah berpuas hati bahawa Plaintiff berhak mendapat mutaah hasil daripada perceraian yang disebabkan oleh Defendan, maka dengan ini Mahkamah perintahkan seperti berikut:-

PERINTAH

1. Mahkamah perintahkan kepada Defendan Baharom bin Aman @ Abd Rahman membayar mutaah sebanyak RM6,669.00 kepada Plaintiff Hanifah binti Mohd Noor.
2. Perintah ini berkuat kuasa serta-merta.

Hanipah/Mutaah/ 23 April 09/jy